

Berita Bandaraya



DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

**THE WORLD'S
HOTTEST RACE**

F1
Formula 1

**PETRONAS
MALYSIAN
GRAND PRIX**

**KUALA LUMPUR
21-22-23 MARCH 2003**

Kuala Lumpur, Bandaraya Grand Prix

Kuala Lumpur telah diisytiharkan sebagai Bandaraya Grand Prix untuk Grand Prix Malaysian Petronas 2003.

Sebagai bandaraya Grand Prix, Kuala Lumpur akan dihiasi dengan warna-warna F1 dan bekerja rapat dengan Litar Antarabangsa Sepang untuk menjayakan aktiviti promosi di sekitar Kuala Lumpur.

Perasmian kempen Grand Prix Malaysian Petronas diadakan pada 11 Januari, 2003 (Sabtu) yang dirasmikan oleh Menteri Kewangan Kedua, Datuk Dr. Jamaluddin Jarjis, bertempat di Dataran Merdeka Kuala Lumpur. Berbagai aktiviti telah disediakan sepanjang satu hari termasuk F1 Walk Hunt, Pertandingan Pakaian Beragam F1, Pertandingan Kereta Kawalan, Pertandingan Mewarna Kanak-Kanak, sukaneka, kuiz, demonstrasi motosikal lasak, pertunjukan kereta F1 dan kereta lumba serta jualan peralatan kereta lumba.

Perasmian ini turut dihadiri oleh Datuk Mohamad Shaid Mohd Taufek, Datuk Bandar Kuala Lumpur, Tan Sri Basir Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif Litar Antarabangsa Sepang dan Encik Ahmad Mustafa, Pengurus Besar Litar Antarabangsa Sepang.

Salah satu acara yang diadakan iaitu F1 Walk Hunt telah mendapat perhatian ramai apabila peserta menyerbu bangunan DBKL, Jalan Raja Laut dengan harapan mendapat jawapan daripada kakitangan DBKL. *Siapakah Charles Gomez di Menara Dewan Bandaraya Kuala Lumpur? Berapakah jumlah hotel di pusat bandar?.....*antara 20 soalan yang perlu dijawab oleh peserta yang mengambil bahagian dalam acara tersebut yang bermula di Dataran Merdeka sempena F1 Petronas Malaysian Grand Prix yang akan berlangsung pada 21-22-23 Mac 2003.



**KUALA LUMPUR
INTERNATIONAL
MARATHON 2003**

**KUALA LUMPUR
INTERNATIONAL
MARATHON 2003 (KLIM)**

**SUDAHKAH ANDA MENDAFTAR UNTUK MENYERTAII
KLIM 2003?**

**MASA ITU EMAS....JANGAN KETINGGALAN!
KETERANGAN LANJUT SILA HUBUNGI:**

03- 2715 2843 ATAU 03-2691 6781

LAMAN WEB : <http://www.dbkl.gov.my>

Rencana Pengarang

Tirai tahun baru 2003 untuk Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dibuka dengan penuh semangat dan keazaman oleh Pentadbiran DBKL.

Seluruh lapisan pegawai dan kakitangan telah diperingatkan dan digesa supaya bersatu tenaga berganding bahu dalam mencapai halatuju dan wawasan untuk menjadikan bandaraya Kuala Lumpur sebagai bandaraya bertaraf dunia.

Kalau tahun 2002 telah menyaksikan lebih 30 inisiatif baru diperkenalkan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur untuk meningkatkan keupayaan dan keberkesanan DBKL dalam memberikan perkhidmatan yang cemerlang, tahun 2003 pula akan menilai sama ada inisiatif-inisiatif tersebut perlu diubahsuai untuk lebih berkesan dan sekiranya didapati berkesan bagaimana ia dapat dikekalkan dan dilestarikan (sustain).

Sesuai dengan keperluan dan kehendak kontemporari warga kota dan orang ramai yang berubah mengikut peredaran masa, DBKL akan sentiasa meneroka inisiatif baru untuk memastikan perkhidmatannya tetap unggul, cemerlang dan berwawasan.

Namun begitu, sesuatu idealisme dan wawasan yang murni tidak mungkin terhasil sepenuhnya dengan peranan dan usaha oleh sebelah pihak sahaja. Tetapi ia memerlukan kerjasama dan komitment yang jitu dari semua pihak supaya semua program dan aktiviti yang telah dirancang dapat berjalan dengan lancar dan mencapai matlamatnya.

SELAMAT MENYAMBUT HARI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR KE - 29

&

SELAMAT TAHUN BARU CINA

Jabatan Kerja Awam
Tingkat 17, Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut.
03 - 2699 3597

Jabatan Seni Taman & Kawalan Pembersihan Bandar
Tingkat 19-20, Bandar Wawasan, Jalan Sultan Ismail
03 -2698 3954

Direktorat Penguatkuasaan
Kaunter Bayaran, Tingkat Bawah, Blok A
Jalan Tun Razak
03 - 4023 1133

Jabatan Perancang & Kawalan Bangunan
Tingkat 8, Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut
03 - 2691 6011 samb. 3825/3826

Jabatan Pengangkutan Bandar
Tingkat 19, Menara Tun Razak, Jalan Raja Laut
03 - 2691 0555

Jabatan Kesihatan
Tingkat 2, Bangunan Pentadbiran,
KM 4, Jalan Cheras
03 - 9284 5166

Jabatan Pengurusan Penjaja & Perniagaan Kecil
Tingkat 4, Bangunan PKNS, Jalan Raja Laut
03 - 2698 6389

Jabatan Pelesenan
Tingkat Bawah, Bangunan Bank Utama
56, Jalan Tuanku Abdul Rahman
03 - 2698 6177 samb. 100

Jabatan Pengurusan Perumahan
Tingkat Bawah
No. 12, Jalan Tuanku Abdul Rahman
03 - 2691 2112

Jabatan Saliran & Pengurusan Sungai
Tingkat 15, Bangunan DBKL, Jalan Raja Laut
03 - 2691 6011

Hotline DBKL
03 4022 0033
(Banjir, lemas, tanah runtuh, jalan berlubang)
03 - 9284 3636/ 9284 3434
(Binatang berbisa, pokok tumbang)

Talian Aduan Awam
Bhg. Hal Ehwal Awam
03 - 2699 3852/ 2697 7097

Hari Mesra Pelanggan
(Sabtu Minggu 2 & 4 setiap bulan)
9.00 pagi - 12.00 tengahari

Tele-Kaunseling Kuala Lumpur (24 jam)
Bebas Tol : **1800-882-600**
No. Telefon : **03 - 2699 3930**

Sidang Redaksi

Penasihat
Y.Bhg Datuk Halijah Binti Othman

Ketua Editor
Zainal Abidin Bin Hj. Mohd. Zain

Editor
Sariffuddin Bin Ibrahim

Sub Editor
Hanim Binti Hj. Hashim
Suriyana Binti Ismail
Shahrul Azman Bin Sayuti

Jurufoto
Mubarak bin Mohd. Atan
Abd. Rhani Bin Md. Shohor
Md. Ismail Bin Isnin

Alamat Editor
Berita Bandaraya
Bahagian Hal Ehwal Awam
Jabatan Pengurusan Organisasi
Tingkat 5, Bangunan DBKL
Jalan Raja Laut.
Atau berhubung terus dengan
Suriyana Binti Ismail
Tel : 03 2691 6011 samb. 3851
Faks : 03 2694 1373
emel : dbkl@dbkl.gov.my

Darah Tinggi

Penyakit Kronik

Tekanan darah adalah satu keadaan di mana kadar tekanan darah sentiasa lebih tinggi daripada kadar biasa. Ia merupakan satu penyakit kronik dan pesakit yang mengidapnya perlu mengawalinya sepanjang hayat dan bersedia mengubah cara hidup yang lebih sihat.

Tekanan darah ialah tekanan yang dikenakan terhadap pembuluh arteri semasa peredaran darah yang disebabkan denyutan jantung. Tekanan darah ada dua ukuran dan biasanya dirakamkan seperti berikut: 120/180 mmHg. Nombor atas menunjukkan tekanan atas pembuluh darah apabila jantung berdenyut. Ia dipanggil tekanan sistolik. Nombor bawah (80) menunjukkan tekanan semasa jantung berehat. Ia dipanggil tekanan diastolik.

Masa yang paling baik untuk mengukur tekanan darah ialah semasa anda berehat. Tekanan darah yang berbeza bergantung kepada keadaan emosi seseorang itu, kedudukan tubuh dan kadar pernafasannya semasa bacaan diambil.

Penyakit ini boleh dihidapi oleh sesiapa sahaja. Lazimnya tekanan darah cenderung untuk meningkat selaras dengan usia seseorang.

Tanda-tanda

Tiada gejala pada kebiasaannya. Anda mungkin merasa sakit tetapi dalam masa yang sama mengidap tekanan darah tinggi. Oleh itu, pengukuran tekanan darah secara berkala digalakkan terutama pada golongan yang berisiko. Pengesanan awal penting untuk membolehkan rawatan dimulakan sebelum organ-

organ seperti buah pinggang atau mata rosak.

Golongan berisiko

- Mempunyai sejarah keluarga seperti darah tinggi, angin ahmar atau serangan jantung.
- Amalan diet yang banyak lemak atau berlebihan garam.
- Obese
- Kurang bersenam
- Merokok
- Pengambilan alkohol

Komplikasi

- Serangan jantung
- Kegagalan jantung
- Angin ahmar
- Kerosakkan buah pinggang
- Kerosakkan mata

Cara kawalan

1. Buat catatan tekanan darah untuk pemantauan diri sendiri.
2. Pemeriksaan tekanan darah secara berkala.
3. Tidak merokok
4. Makan secara sihat.
5. Pemeriksaan tahap kolestrol secara teratur, disyorkan lima tahun sekali.
6. Kekalkan berat badan unggul.
7. Bersenam secara berkala untuk kurangkan berat badan berlebihan.
8. Elakkan alkohol.
9. Kurangkan tekanan (stress) dengan kaedah-kaedah yang sesuai dan sihat.
10. Ubat-ubatan diambil mengikut peraturan.

Fee Lesen Makanan Naik

Undang-Undang Kecil Pelesenan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) (Pindaan) 2002 telahpun diluluskan dan diwartakan melalui No. Warta Kerajaan P.U. (A) 411/02 bertarikh 10 Oktober 2002.

Pindaan ini adalah bagi perkara 3F (Lesen

Sementara) dan juga kepada Jadual Fee Lesen yang menggantikan butiran 9 daripada RM50.00 kepada RM100.00 setahun.

Pindaan ini telah berkuatkuasa pada 1 Januari 2003.